

Bekalan keperluan asas, makanan di Mukah mencukupi: KPDNHEP

2020-03-28T05:30:02+08:00



MENCUKUPI: Anggota KPDNHEP Mukah membuat pemeriksaan rutin barangan di pasar raya memastikan bekalan makanan serta barangan terkawal mencukupi.

MUKAH: Bekalan keperluan asas dan makanan di Mukah dijamin mencukupi walaupun tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan tempoh sehingga 14 April depan.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah, Salihin Den berkata pihaknya menggunakan semua kaedah memastikan tidak mempu-nyai masalah.

"Kita sentiasa pantau barang keperluan di pasar raya dan peruncit utama di Mukah bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi," katanya kepada Utusan Borneo di sini semalam.

Selain itu, pihaknya juga mendapat jaminan daripada pembekal dan pemborong di mana mereka sentiasa ada bekalan serta mencukupi apabila diperlukan.

Terima kasih juga beliau ucapkan kepada rata-rata penduduk Mukah kerana memahami situasi ketika PKP ini dan tidak melakukan pembelian secara panik.

Pada mulanya PKP berkuat kuasa dari 18 hingga 31 Mac ini di seluruh negara namun tempoh itu kemudian dilanjutkan hingga 14 April depan.

Ini bagi menangani CO-VID-19 dengan memutuskan rantaian jangkitan melalui penjarakan sosial manusia.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/28/bekalan-keperluan-asas-makanan-di-mukah-mencukupi-kpdnhep>

